

Cadangan Muhyiddin Diadakan Audit Bahasa Institusi Kewangan Disambut Baik Bernama
10 November , 2011

KUALA LUMPUR, 10 Nov (Bernama) -- Timbalan Menteri Kewangan Datuk Dr Awang Adek Hussin menyambut baik saranan Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin supaya Bank Negara melaksanakan pengauditan bahasa dengan memberikan penarafan bintang untuk mengukur pencapaian institusi kewangan daripada segi penggunaan bahasa Melayu.

Beliau berkata sistem penarafan bintang itu akan menjadi satu langkah ke hadapan dalam usaha kerajaan memertabatkan penggunaan Bahasa Melayu dalam sektor kewangan dan insurans.

"Saya menyokong penuh cadangan itu kerana ia bermatlamat cukup baik dan Bank Negara mempunyai kemampuan kerana mereka berperanan untuk melakukan audit institusi kewangan yang ada.

"Sebahagian tugas audit boleh digunakan untuk melihat sejauh mana penggunaan bahasa Melayu di kalangan institusi kewangan," katanya kepada pemberita selepas majlis perasmian Simposium Penggunaan Bahasa Kebangsaan Sektor Kewangan dan Insurans yang disempurnakan oleh Muhyiddin di Bank Negara di sini Khamis.

Ketika ditanya bilakah audit bahasa seperti itu dapat dilaksanakan, Awang Adek berkata beliau menyerahkan perkara itu kepada Bank Negara untuk menentukannya.

"Saranan ini dibuat TPM dan ia merupakan satu saranan yang baik, maka saya kira Bank Negara akan melihatnya, barangkali jawatankuasa kita (Kementerian Kewangan) juga boleh membantu untuk memastikan cadangan ini dilaksanakan," katanya.

Peranan melaksanakan penggunaan Bahasa Kebangsaan di sektor kewangan kini dipikul oleh Jawatankuasa Kecil Pelaksanaan Bahasa Kebangsaan Sektor Kewangan dan Insurans yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Perbendaharaan Tan Sri Wan Abdul Aziz Wan Abdullah.

Jawatankuasa itu dianggotai oleh wakil-wakil Bank Negara, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, Persatuan Bank-Bank Dalam Malaysia, Persatuan Insurans Am, Persatuan Insurans Hayat, Institut Perbankan dan Kewangan Islam, Persatuan Takaful dan Dewan Bahasa dan Pustaka.

Awang Adek berkata usaha membawa Bahasa Melayu kembali ke arus perdana dalam industri kewangan mesti dilaksanakan kerana sektor kewangan adalah satu sektor yang penting dan paling berprofil tinggi.

"Pelbagai usaha telah dibuat untuk tujuan itu, antaranya daripada segi penggunaan borang-borang dalam urusan perbankan yang mana borang melibatkan perjanjian pinjaman, urus niaga antara bank dan pengguna semestinya sekarang ini menggunakan bahasa Melayu walaupun bahasa lain masih boleh digunakan.

"Bahasa Melayu mesti ada supaya pengguna yang meminta untuk melihat segala bentuk

perjanjian antara pengguna dan bank ini dalam Bahasa Melayu akan dapat diberikan oleh bank-bank tersebut melibatkan produk perbankan," katanya.

Simposium sehari itu bertujuan memberi pendedahan dan kesedaran kepada peserta pasaran mengenai isu berhubung Bahasa Kebangsaan selain menanam minat untuk memainkan peranan aktif dalam inisiatif gerakan Bahasa Melayu.

Ia dihadiri 300 orang peserta terdiri daripada pegawai sektor awam, wakil institusi kewangan dan wakil syarikat takaful dan insurans.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=625850>